



**PASUKAN BOLASEPAK
KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN.**

Rujukan Kami :

Tarikh : 17 Februari 2012

Kepada :	Timbalan Yang Di Pertua Kelab KPKK
Daripada :	Pengurus Pasukan Bolasepak KPKK
Perkara:	LAPORAN AKTIVITI PASUKAN BOLA SEPAK KPKK FC SEPANJANG TAHUN 2011/2012

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

TUJUAN

1. Laporan ini disediakan adalah untuk memberi maklum kepada Timbalan yang di Pertua Kelab KPKK selaku penasihat kepada pasukan Bola sepak KPKK FC.

PENDAHULUAN

2. Sepanjang tahun 2011/2012 pasukan Bola sepak KPKK FC telah mengadakan pelbagai aktiviti dengan mengadakan perlawanan persahabatan, penyertaan dalam liga PBKL, menyertai kejohanan Bola sepak Makswip sembilan (9) sepasukan serta lawatan-lawatan ke agensi-agensi KPKK.

PERKARA YANG HENDAK DI MAKLUMKAN

3. Pasukan Bolasepak kelab KPKK FC telah mengadakan banyak perlawanan persahabatan sepanjang tahun 2011 sama ada bermain di padang Angkasapuri ataupun keluar daripada Angkasapuri dengan pelbagai Jabatan dan agensi kerajaan.

4. Keputusan perlawanan persahabatan tidak dapat diberikan secara keseluruhan di dalam laporan ini kerana terlalu banyak perlawanan persahabatan di adakan dan keputusan akan di maklumkan hanyalah perlawanan-perlawanan yang bermain di luar Angkasapuri sahaja.

4.1 Keputusan perlawanan persahabatan yang di ketogerikan sebagai perlawanan resmi adalah seperti berikut :-

Bil	Tarikh	Tempat	Pasukan Lawan	Keputusan
01	21.09.2011	Padang TNB Bangsar	TEN FC	KPKK FC Menang 2-0
02	01.10.2011	Mini Stadium MBPJ	MBPJ FC	KPKK FC Menang 1-0
03	28.10.2011	Kelab DBKL Brickfields	DBKL FC	KPKK FC Seri 0-0
04	02.11.2011	Mini Stadium Tasik Permaisuri	ChocraneHunter FC	KPKK FC Menang 2-0
05	15.11.2011	Padang TNB Bangsar	TNB FC	KPKK FC Kalah 1-0
06	30.12.2011	Stadium Pancarona Ptrj	Perb. Putrajaya FC	KPKK FC Menang 2-0
07	07.01.2012	Stadium Mindef Jalan Semarak	Kem. Pertahanan	KPKK FC Menang 3-1

LAWATAN KE RTM PERLIS DAN KEDAH

5. Pasukan Bola sepak KPKK FC juga telah mengadakan lawatan ke RTM Perlis dan RTM Kedah yang diadakan pada 23.07.2011 hingga 24.07.2011, di samping lawatan tersebut pasukan Bola sepak KPKK FC telah mengadakan perlawanan Bola sepak persahabatan di mana perlawanan dengan RTM Perlis telah di menangi oleh KPKK FC dengan keputusan 6-3, perlawanan dengan RTM Kedah juga di menangi oleh KPKK FC dengan keputusan 5-1.

MENYERTAI KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH ANJURAN MAKSWIP 2011

6. Untuk makluman tuan, pasukan Bola sepak KPKK FC juga telah menyertai kejohanan Bola sepak 9 sebelah anjuran Makswip 2011 yang diadakan di Negeri Perlis Indera Kayangan bermula pada 23.12.2011 hingga 25.12.2011.
7. Pasukan Bola sepak KPKK FC telah menghantar dua (2) pasukan pada kejohanan tersebut yang diadakan setiap tahun untuk semua agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan.

8. Penyertaan pada kejohanan tersebut tahun ini adalah terlalu bermakna kerana kedua-dua pasukan KPKK FC telah menjuarai kumpulan masing-masing dan telah melayakkan ke pusingan seterusnya iaitu pusingan kalah mati sehingga ke pusingan ketiga, sebelum di kalahkan melalui tendangan penalti oleh lawan masing-masing.

KARNIVAL BOLA SEPAK 9 SEBELAH ANJURAN KELAB KPKK

9. Aktiviti tahun 2011 telah di teruskan dengan pengajuran karnival Bola sepak 9 sebelah anjuran Kelab KPKK yang telah diadakan pada bulan Julai 2011 dan di sertai lebih kurang dua puluh enam (26) pasukan. Karnival ini juga julung kalinya di anjurkan secara besaran walaupun hadiah tidaklah memberangsangkan tetapi karnival ini amat meriah jika hendak dibandingkan pada tahun-tahun sebelum ini.

PENYERTAAN DALAM LIGA PBKL

10. Pasukan Bola sepak KPKK FC masih lagi aktif di peringkat penyertaan dalam saingan liga Persatuan Bola sepak Kuala Lumpur (PBKL) yang diadakan pada setiap tahun. Pada tahun ini KPKK FC masih kekal menyertai Kejohanan tersebut dengan komitmen dan sokongan penuh kelab KPKK.
11. Untuk makluman tuan, pasukan Bola sepak KPKK FC pada tahun ini yang menyertai liga PBKL adalah yang terbaik pernah di bentuk dengan komitmen daripada pemain lama dan baru yang dipilih dari semua agensi di bawah KPKK telah membentuk satu persefahaman yang baik.
12. Setakat ini KPKK FC telah bermain enam (6) perlawanan kompetitif di peringkat liga yang diadakan secara liga satu pusingan. Semua perlawanan yang akan di sertai oleh KPKK FC adalah sebanyak dua belas (12) perlawanan.

12.1 Keputusan semasa perlawanan Liga PBKL setakat enam (6) perlawanan yang telah diadakan adalah seperti berikut :-

Bil	Tarikh	Tempat	Pasukan Lawan	Keputusan
01	09.10.2011	Kem Sg. Besi Kuala Lumpur	Goldvalley FC	KPKK FC Menang 1-0
02	22.10.2011	Kem Batu Kentomen KL	Petaling Putera FC	KPKK FC Kalah 0-1
03	20.11.2011	Padang HKL	Fathul Karib FC	KPKK FC Seri 3-3
04	10.12.2011	Padang HKL	Kesupen FC	KPKK FC Menang 3-0
05	17.12.2011	Padang UM	Imigresen FC	KPKK FC Seri 0-0
06	14.01.2012	Padang HKL	Ten FC (TNB)	KPKK FC Menang 2-0
07	12.02.2012	Padang Kem Batu Cantomen	Bukit Aman FC	KPKK FC Menang 2-0

13. Setelah mengharungi tujuh (7) perlawanan Liga PBKL, kedudukan pasukan KPKK FC dalam carta adalah di tempat ketiga dan berdasarkan baki lima (5) lagi perlawanan peluang pasukan KPKK FC untuk menduduki tangga yang lebih baik adalah terlalu cerah kerana pasukan yang akan di hadapi nanti adalah pasukan di tangga yang kurang menyelerah.

SENARAI NAMA PEMAIN KPKK FC TAHUN 2011/2012

Bil	Nama Pemain	Jabatan/Unit	Posisi
01	Nurul Hizam bin Che Husin	KPKK	Pertahanan
02	Mohd Toha bin Adnan	KPKK	Tengah
03	Mohd Firdaus bin Abu Bakar	Balai Seni Lukis	Penjaga Gol
04	Suhaizam bin Abdullah	Perpustakaan Negara	Penjaga Gol
05	Mohd Nazrie Fahmie bin Syukri	RTM	Pertahanan
06	Mohd Faiz bin Zaki	RTM	Pertahanan
07	Ahmad Fadlee bin Mohd Sharif	RTM	Penyerang
08	Noorazmi bin Zainal Abidin	RTM	Penyerang
09	Mohd Faizul Sawadhy bin Nordin	RTM	Pertahanan
10	Norazman bin Rusli	RTM	Penjaga Gol
11	Mohd Saiful bin Ridzuan	Bernama	Tengah
12	Wan Ayubi bin Wan Mohd Rozally	Istana Budaya	Pertahanan
13	Mohd Khairul bin Mohd Salleh	Kraf tangan	Tengah
14	Mohd Danial bin Afendi	Kraftangan	Tengah
15	Hafizie Izwan bin Hassim	Muzium	Tengah
16	Muhamad Shahaiddy bin Masri	Filem Negara	Tengah
17	Mohd Ridzuan bin Ardy	Arkib Negara	Pertahanan
18	Ahmad Fazani bin Ismail	SKMM	Penyerang
19	Mohd Husaini bin bin Ismail	Ahli Bersekutu	Pertahanan
20	Fairul Anuar bin Bujang	Ahli Bersekutu	Pertahanan
21	Che Norwahidul Azam bin Azmi	Ahli Bersekutu	Tengah
22	Harun bin Abdul Hamid	Ahli Bersekutu	Pertahanan
23	Sharul Nizam bin Ramlan	Ahli Bersekutu	Tengah
24	Muhamad Faliq bin Izhar	Ahli Bersekutu	Penyerang
25	Mohd Shah Iskandar bin Salleh	Ahli Bersekutu	Tengah
Pengurusan Pasukan			
26	Abd Razak bin Jali		Pengurus
27	Suhaimi bin Baharudin		Ketua Jurulatih
28	Kamalrudin bin Mohamad		P/Jurulatih

14. Senarai nama pemain diatas adalah pemain yang mewakili KPKK FC pada tahun 2011/2012 untuk pelbagai kejohanan dan juga Liga PBKL. Nama-nama tersebut juga telah pun di daftar dengan Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur.
15. Berdasarkan senarai nama diatas, tujuh daripada senarai nama tersebut adalah pemain luar yang di daftar sebagai ahli bersekutu (import), mereka adalah antara pemain yang berkebolehan dan dipilih untuk membantu KPKK FC bagi cabaran Liga PBKL.

KESIMPULAN

16. Pasukan Bolasepak KPKK mempunyai pemain-pemain yang berwibawa dan perlu diberi perhatian yang khusus serta sokongan, untuk membantu mereka supaya pemain-pemain ini ada aktiviti-aktiviti yang berfaedah dengan bermain Bolasepak daripada melepak dan menyertai aktiviti-aktiviti yang merosakan masa depan mereka dengan melakukan perkara-perkara yang tidak baik, seperti menghisap dadah, merempit dan sebagainya.
17. Sebagai pengurus pasukan Bolasepak KPKK FC saya yakin semua pemain di bawah kendalian saya ini akan melakukan yang terbaik untuk Kelab Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).
18. Seperkara yang amat penting adalah bantuan daripada pihak pengurusan tertinggi kelab KPKK amatlah diharapkan bagi membantu terutama dari segi kewangan dan moral bagi meneruskan agenda Kelab KPKK melalui pasukan Bola sepak KPKK FC.

Sekian, terima kasih.

“MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA”
“BERSUKAN UNTUK PERSAHABATAN”

Disediakan oleh

tt

(ABD RAZAK BIN JALI)

Pengurus Pasukan Bolasepak KPKK